

# Seluruh Lembah Klang diiktiraf kawasan MSC

Lebih banyak pusat siber akan ditubuh secara berperingkat

Oleh Wan Hazmir Bakar

**K**UALA LUMPUR: Kerajaan akan menjadikan seluruh Lembah Klang sebagai kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) dalam usaha merencanakan pertumbuhan dan membantu menjayakan projek aplikasi perdananya, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, pelan terperinci untuk tujuan itu sedang dirangka dan ia akan dilaksanakan secara berperingkat dengan pewujudan lebih banyak pusat siber di Lembah Klang.

"Ini amat penting kerana Lembah Klang adalah kawasan terhebat dalam pembangunan ekonomi kita dan sewajarnya ia mendapat faedah status MSC," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Pelaksanaan MSC Ke-19, di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan beberapa menteri Kabinet lain.

Ketika ini, MSC membabitkan kawasan seluas 750 kilometer persegi iaitu satu jaluran dari Menara Kembar Petronas ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di Sepang, termasuk Put-

**“Ini amat penting kerana Lembah Klang adalah kawasan terhebat dalam pembangunan ekonomi kita dan sewajarnya ia mendapat faedah status MSC”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

rajaya dan Cyberjaya.

Abdullah berkata, semua usaha yang dijalankan terutama bagi menjayakan aplikasi perdana MSC akan dipertingkatkan manakala aspek pendidikan seperti penubuhan sekolah bestari di seluruh negara juga akan diperhebatkan.

"Ini bermakna pendekatan yang diambil selama ini akan diteruskan untuk memastikan kejayaan," katanya.

Ditanya apakah ia bermakna syarikat berstatus MSC bebas mendirikan kemudahan mereka di mana saja di Lembah Klang, Abdullah berkata, semuanya akan dilaksanakan mengikut pelan dan setiap cadangan yang dikemukakan masih memerlukan kelulusan.

Mengenai tindakan kerajaan bagi memastikan kegagalan seperti yang dialami InventQjaya tidak berulang, Abdullah berkata, penilaian terhadap sebarang cadangan pada masa depan akan dibuat dengan berhati-hati.

"Namun saya tidak fikir ada niat buruk dalam penubuhan InventQjaya tetapi ia tidak menjadi seperti yang diharapkan," katanya.

Diminta mengulas mengenai pengukuhan ringgit, Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, perkara itu adalah perkembangan yang baik dan sejajar dengan pengukuhan mata wang serantau.

"Kadar tukaran ialah 3.54 (kepada dolar Amerika) hari ini (semalam). Saya rasa ia bagus dan kita harap kita mampu mengekalkan kekuatan ekonomi keseluruhannya dan ringgit seperti mata wang lain," katanya.

Abdullah juga menolak andaian bahawa peningkatan Indeks Komposit di Bursa Malaysia adalah akibat aktiviti spekulatif.

"Ia bukan spekulatif, kita tahu ia meningkat perlahan-lahan. Jika ia naik turun seperti yo-yo, memang tiada siapa yang akan percaya tetapi dalam kes kita, indeks meningkat perlahan-lahan dan berterusan," katanya.